

**PENTERJEMAHAN PERKATAAN TAKSA: SATU  
ANALISIS BERDASARKAN NOVEL *HARRY POTTER  
AND THE CHAMBER OF SECRETS* OLEH  
J.K.ROWLING DAN HASIL TERJEMAHANNYA  
*HARRY POTTER DAN BILIK RAHSIA***

**KANCHANA DEVI SIBEPEREGASAM**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2007**

**PENTERJEMAHAN PERKATAAN TAKSA: SATU  
ANALISIS BERDASARKAN NOVEL *HARRY POTTER  
AND THE CHAMBER OF SECRETS* OLEH J.K.ROWLING  
DAN HASIL TERJEMAHANNYA *HARRY POTTER DAN  
BILIK RAHSIA***

**oleh**

**KANCHANA DEVI SIBEPEREGASAM**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera  
dalam Penterjemahan**

**Disember 2007**

## PENGHARGAAN

Tibanya saya di halaman ini menandakan suatu detik perjalanan yang berliku dan penuh cabaran yang telah saya lalui sejak permulaan tesis ini. Sememangnya, penulisan tesis ini yang akhirnya mencapai satu titik noktah merupakan suatu proses pembelajaran akademik dan pemerolehan iktibar hidup yang tidak ternilai harganya. Yang pasti, aspirasi saya untuk mengejar ilmu tidak mungkin kesampaian tanpa bimbingan pelbagai pihak.

Pertama sekali, saya ingin rakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Tengku Sepora Tengku Mahadi yang telah memberi bimbingan, nasihat, panduan akademik yang konstruktif dan bernas sepanjang penulisan tesis ini. Sifat beliau yang peramah, berbudi bahasa, prihatin dan penyabar sepanjang tempoh penyeliaan, bahkan semasa menunjukkan salah silap saya sekalipun, telah mengobarkan semangat saya untuk terus berusaha dan terus mara ke hadapan.

Tidak ketinggalan juga, majikan saya, Pusat Bahasa dan Terjemahan, saya amat terhutang budi kepada Pengarah, Timbalan Pengarah dan rakan-rakan sejawat yang telah banyak memberi nasihat dan dorongan sepanjang pengajian saya.

Perjalanan mengejar ilmu ini pasti tidak berpangkalan tanpa sokongan padu ahli keluarga, terutamanya ibu saya, R.Rukumani dan bapa saya S.Sibeperegasam yang telah mendidik saya dengan penuh kasih sayang yang tidak dapat saya balas sepenuhnya. Penat lelah kalian tidak akan saya lupakan. Terima kasih juga kepada suami tersayang, S.Vijayan yang telah banyak memberi kata nasihat dan dorongan kepada saya. Tidak ketinggalan juga adik-adiku, S.Krishna Kumar dan S.Mahesvaran yang sering mengambil berat tentang diri ini dan cahaya mataku, V. Kireshkumar yang sering menghiburkan hatiku tatkala duka.

Akhir sekali, saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana bimbingan, kurnia dan berkat-Nya selama ini. Doa saya, moga-moga Tuhan mencucuri rahmat ke atas setiap insan yang namanya tersebut di atas dan semoga ilmu yang saya peroleh di sini membawa sumbangan yang bererti kepada umat manusia di negara ini.

**KANDUNGAN**

<b>TAJUK DAN BUTIRANNYA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>HALAMAN TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>x</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>xi</b>
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Kajian	3
1.2 Persoalan Dan Tujuan Kajian	5
1.3 Metodologi Penyelidikan Dan Batasan Kajian	7
1.3.1 Aspek Teoretis	8
1.3.1.1 Kerangka Teoretis Kajian	8
1.3.1.2 Justifikasi Pemilihan Kerangka Teoretis	9
1.3.2 Aspek Amali	9
1.3.2.1 Pemilihan Data	10
1.3.2.2 Justifikasi Pemilihan Data	12
1.3.2.3 Analisis Data	15
1.4 Sumbangan Kajian Tesis	16
1.5 Organisasi Kajian	17

**BAB 2 : SOROTAN LITERATUR**

2.0	Pengenalan	18
2.1	Kerja-Kerja Penyelidikan Di Malaysia	18
2.2.	Kerja-Kerja Penyelidikan Di Barat	22
2.2.1	Perkembangan Dalam Dunia Linguistik	23
2.2.2	Perkembangan Dalam Dunia Penterjemahan	27
2.3.	Hala Tuju Penyelidikan	29

**BAB 3 : KERANGKA TEORI**

3.0	Pengenalan	30
3.1	Definisi Penterjemahan	30
3.1.1	Penterjemahan Dan Makna	32
3.1.2	Jenis-Jenis Makna	32
3.1.2.1	Makna Leksikal Dan Makna Gramatikal	34
3.1.2.2	Makna Referensial Dan Nonreferensial	35
3.1.2.3	Makna Denotatif Dan Makna Konotatif	35
3.1.3	Penentuan Dan Penyampaian Makna Dalam Penterjemahan: Soal Kesepadanan	37
3.1.4	Makna Dan Konteks Komunikasi	41
3.2.	Penterjemahan Perkataan Taksa	45
3.2.1	Perkataan Taksa Dalam Bahasa Inggeris	45
3.2.2.	Perkataan Taksa Dalam Bahasa Melayu	61
3.2.3.	Soal Kesepadanan Dalam Penterjemahan Perkataan Taksa Daripada Bahasa Inggeris Kepada Bahasa Melayu: Soal Pragmatik	62

3.3.	Pendekatan Pragmatik Dalam Penterjemahan	62
3.3.1	Konsep-Konsep Dalam Pendekatan Pragmatik	64
3.3.1.1	Deiksi Dan Jarak	64
3.3.1.2	Rujukan Dan Inferen	65
3.3.1.3	Pra-andaian Dan Susulan	66
3.3.1.4	Kerjasama Dan Implikatur	67
3.3.1.5	Perlakuan Ujaran Dan Kejadian	69
3.3.1.6	Kesantunan Dan Interaksi	70
3.3.2	Kesesuaian Pendekatan Pragmatik Dalam Penterjemahan Perkataan Taksa	70
3.3.3	Pendekatan Pragmatik Baker	71
3.3.3.1	Mengenal Pasti Makna Kata Dan Struktur Yang Lazim Atau Konvensional Serta Identiti Rujukan	71
3.3.3.2	Mengaplikasikan Prinsip Kerjasama Grice	73
3.3.3.3	Meninjau Konteks (Linguistik Dan Bukan Linguistik) Dalam Ujaran	73
3.3.3.4	Meneliti Pengetahuan Latar Yang Lain	74
3.3.3.5	Mengenal Pasti Butir-Butir Yang Berkaitan	75
3.3.4	Pendekatan Pragmatik Baker Dalam Pengawataksaan Dan Penterjemahan Perkataan Taksa	75
3.4.	Analisis Teks / Wacana	76
3.4.1	Analisis Teks	77
3.4.2	Analisis Wacana	78
3.5	Langkah-Langkah Metodologi Penyelidikan	79
3.6	Masalah Dan Batasan Yang Ada Pada Metodologi Penyelidikan	80

**BAB 4 : ANALISIS PERKATAAN TAKSA**

4.0	Pengenalan	82
4.1	Sinopsis Data A	82
4.1.1	Penterjemahan Kutipan Data	92
4.1.2	Analisis Kutipan Data	93
4.1.3	Penterjemahan Kutipan Data	95
4.1.4	Analisis Kutipan Data	96
4.1.5	Penterjemahan Kutipan Data	98
4.1.6	Analisis Kutipan Data	100
4.2	Kesimpulan	102

**BAB 5 : PENUTUP**

5.0	Pengenalan	103
5.1	Rumusan Pendekatan Pragmatik Baker: Data A	104
5.1.1	Mengenal Pasti Makna Kata Dan Struktur Yang Lazim Atau Konvensional Serta Identiti Rujukan	104
5.1.2	Mengaplikasikan Prinsip Kerjasama Grice	105
5.1.3.	Meninjau Konteks Linguistik Dan Bukan Linguistik Dalam Ujaran	105
5.1.4	Meneliti Pengetahuan Latar Yang Lain	106
5.1.5	Mengenal Pasti Butir-Butir Lain Yang Berkaitan	106
5.2	Rumusan Pendekatan Pragmatik Baker: Data B	106
5.2.1	Peranan Konteks	107
5.2.2	Prinsip Kerjasama Grice	108
5.2.3	Pengetahuan Latar	108
5.3	Kaedah Penterjemahan Pragmatik Baker Dalam Penterjemahan Perkataan Taksa	108

5.4	Rumusan Tentang Pendekatan Pragmatik Dalam Penterjemahan Perkataan Taksa	109
5.5	Usulan	111
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	113
	<b>LAMPIRAN</b>	119

**SENARAI JADUAL**

**MUKA SURAT**

Jadual 1.1 (a) : Kutipan Data A (1988, ms: 31)	92
Jadual 1.1 (b) : Kutipan Data B (2002, ms: 32-33)	92
Jadual 1.1 (c) : Terjemahan Cadangan (Pragmatik)	92
Jadual 1.2 (a) : Kutipan Data A (1988, ms: 39-40)	95
Jadual 1.2 (b) : Kutipan Data B (2002, ms: 43-44)	95
Jadual 1.2 (c) : Terjemahan Cadangan (Pragmatik)	96
Jadual 1.3 (a) : Kutipan Data A (1988, ms: 154)	98
Jadual 1.3 (b) : Kutipan Data B (2002, ms: 202)	99
Jadual 1.3 (c) : Terjemahan Cadangan (Pragmatik)	99

**SENARAI LAMPIRAN**

**MUKA SURAT**

Lampiran : *Ambiguous Words*

119

**PENTERJEMAHAN PERKATAAN TAKSA: SATU ANALISIS BERDASARKAN  
NOVEL *HARRY POTTER AND THE CHAMBER OF SECRETS* OLEH J.K.ROWLING  
DAN HASIL TERJEMAHANNYA *HARRY POTTER DAN BILIK RAHSIA***

**ABSTRAK**

Penyelidikan ini bertujuan mengkaji penerapan pendekatan pragmatik Baker (1992) dalam penterjemahan perkataan taksa daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Persoalan timbul kerana bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran memiliki sistem bahasa yang lain. Ini membawa kepada persoalan kajian iaitu mengkaji bagaimana pendekatan pragmatik Baker dapat menyelesaikan situasi 'lebih terjemah' atau 'kurang terjemah' dalam penterjemahan. Oleh sebab pendekatan pragmatik bercirikan konteks (linguistik/bukan linguistik), analisis teks/wacana dijadikan kajian sokongan. Dua kaedah yang diperhatikan dalam pendekatan Baker ialah kaedah tersurat dan kaedah tersirat. Kajian dijalankan terhadap dua set data yang terdiri daripada data A, *Harry Potter and the Chamber of Secrets* dan data B, 'Harry Potter dan Bilik Rahsia.' Data A digunakan untuk mengutip perkataan-perkataan yang menyumbang kepada ketaksaan dan pengkaji tesis akan menterjemah perkataan-perkataan tersebut dengan menggunakan pendekatan pragmatik Baker. Data B berfungsi sebagai alat perbandingan dan pengukur bagi data A. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan kaedah tersirat apabila wujudnya konteks bagi maksud yang ingin disampaikan manakala kaedah tersurat ditemui apabila konteks yang ada tidak memadai dalam menyampaikan maksud sesuatu perkataan taksa itu. Kesepadanan pragmatik yang dihasilkan menunjukkan keadaan 'lebih terjemah' atau 'kurang terjemah' dalam erti kata penyampaian maksud sesuatu perkataan yang taksa.

**THE TRANSLATION OF AMBIGUOUS WORDS : AN ANALYSIS BASED ON A  
NOVEL BY J.K. ROWLING, *HARRY POTTER AND THE CHAMBER OF SECRETS*  
AND ITS TRANSLATION, *HARRY POTTER DAN BILIK RAHSIA***

**ABSTRACT**

This research aims to investigate Baker's pragmatic approach (1992) in the translation of ambiguous words from English Language into Malay Language. The issue that arises is the Malay Language as the target language has a different system of language. This leads to the study on how Baker's pragmatic approach is able to deal with the situation of over-translation or under-translation. Since the pragmatic approach focuses on context (linguistic and non linguistic), therefore it needs text/discourse analysis as the supporting study. The two methods used by Baker are literal translation and implied translation. The study is carried out using data A and B. Data A is used to collect ambiguous words and then translated by using Baker's pragmatic approach on respective extracts from *Harry Potter and the Chamber of Secrets*. Data B consists of already translated ambiguous words and it is used as a tool for comparing and measuring the pragmatic translation done in data A. The findings of the study show that implied translation occurs when there are contexts that convey the intended meaning, whereas literal translation is found when the available context is deemed insufficient to convey the meaning of the ambiguous words. The pragmatic equivalence achieved indicates the situation of 'over-translation' or 'under-translation' in terms of conveying the functional meaning of the ambiguous words.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, Malaysia mempunyai bahasa rasmi sendiri iaitu bahasa Melayu. Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, bahasa Melayu telah berkembang dengan pesat. Bahasa Melayu mengalami proses pemodenan dari segi peristilahan, pengekodan dan penyeragaman. Ini memungkinkan bahasa Melayu menjalankan berbagai-bagai tugas baru dengan tarafnya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa pengantar, bahasa rasmi dan bahasa ilmu (Abdull Sukor et.al.,2003:3).

Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar ilmu di sekolah-sekolah termasuk maktab-maktab perguruan dan universiti. Sebagai bahasa ilmu yakni bahasa yang memperkatakan segala ilmu pengetahuan, bahasa Melayu seharusnya diperkembangkan dan disesuaikan dengan kehendak-kehendak baru. Perbendaharaan katanya perlu diperluaskan bagi menyampaikan ilmu pengetahuan moden dalam berbagai-bagai bidang seperti bidang sains dan teknologi, undang-undang, perubatan, kejuruteraan, sastera dan sebagainya.

Bahasa Melayu boleh menjadi bahasa ilmu kerana ia mempunyai ciri-ciri keintelektualan bahasa dan ciri-ciri kesempurnaan bahasa. Keintelektualan bahasa bermaksud keupayaan bahasa dalam menyampaikan buah fikiran, hujah, pendapat dan lain-lain dengan tepat. Keintelektualan bahasa ini dapat dicapai melalui pengembangan kosa kata ataupun penukaran bentuk kata. Ciri-ciri kesempurnaan bahasa Melayu pula ialah pertama, kestabilan yakni ia mempunyai sistem ejaan, sebutan, pemakaian,

tatabahasa dan sebagainya. Kedua ialah kelenturan yakni ia mudah disesuaikan dengan persekitaran dan perubahan yang berlaku dari semasa ke semasa (Abdull Sukor et.al. 2003:5).

Dalam konteks yang mengutamakan penggunaan bahasa Melayu di kalangan rakyat Malaysia, khususnya sebagai bahasa ilmu maka lahirlah kerja terjemahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Kerajaan dan masyarakat sedar akan pentingnya peranan terjemahan untuk memindahkan khazanah ilmu dunia ke dalam bahasa Melayu sebagai satu aspek pembangunan bangsa dan negara. Terjemahan khazanah ilmu dunia ke dalam bahasa Melayu dapat diibaratkan sebagai penanaman benih di bumi intelek bangsa Malaysia yang kini terpendam. Benih inilah kelak yang akan bercambah menjadi tamadun baru yang akan memberikan sumbangannya kepada tamadun dunia.

Tamadun Eropah Barat wujud dan berkembang berkat jasa penterjemah. Sejak awal abad ke-19, penterjemah profesional ditugaskan oleh ahli sains untuk menterjemahkan buku-buku penting ke dalam bahasa-bahasa tertentu di kawasan Eropah Barat. Namun, penterjemah tidak hanya memberi sumbangan terhadap pembaharuan di Eropah Barat sahaja malah di peringkat dunia. Di dunia Barat mahupun di dunia Timur, penterjemah memainkan peranan yang sangat penting (Kelly, 1979:1). Berdasarkan aspek sejarah, (Delisle & Woodsworth, 1995) ternyata bahawa penterjemah yang tampil keluar daripada bayang-bayang penulis buku memiliki berbagai-bagai kebolehan daripada menemukan abjad, memperkaya bahasa kebangsaan, menyebarkan ilmu pengetahuan, sains dan agama, sehingga menyusun kamus. Oleh itu, mereka pun menyandang pelbagai peranan bagi kemajuan tamadun dunia, yakni sebagai komunikator, mediator, pengambil keputusan dan pengurus masa.

Melihat sumbangan dan peranan mustahak yang dimainkan oleh penterjemah dalam bidang penterjemahan, maka penyelidikan demi penyelidikan harus dijalankan ke atas pelbagai aspek penterjemahan, supaya bidang ini dapat menyerlahkan kemampuannya dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa kebudayaan. Terjemahan sangat penting dalam usaha pembangunan intelektual bangsa.

Kesedaran mengenai sumbangan penyelidikan dalam bidang penterjemahan di negara ini telah mendorong tesis ini untuk bertumpu pada penyelidikan terhadap salah satu aspek penterjemahan, iaitu penterjemahan perkataan taksa bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu.

Bab ini yakni bab pertama akan dikhaskan sebagai bab yang memberi pengenalan umum kepada latar kajian, persoalan dan tujuan kajian, metodologi dan batasan kajian serta organisasi kajian.

## **1.1 Latar Kajian**

Kerja penterjemahan yang mula bertapak di negara ini belum dapat dikatakan giat jika diperhatikan bilangan buku-buku terjemahan bahasa Melayu di pasaran. Walaupun ada buku-buku yang diterjemahkan, namun ada di antara buku-buku tersebut yang sukar difahami kerana kurang mengandungi unsur kebolehbacaan dan juga ada yang tidak dapat menyampaikan makna dengan setepat-tepatnya. Penterjemahan adalah suatu kaedah menyampaikan makna daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Sekiranya sesuatu makna itu tidak jelas, maka akan timbullah masalah pemahaman terhadap maklumat atau mesej yang ingin disampaikan.

Salah satu punca kepada masalah ini ialah masalah kemahiran penterjemah dalam penggunaan bahasa sumber dan bahasa sasaran. Setiap bahasa mempunyai peraturannya sendiri untuk menyatakan sesuatu. Struktur bahasa yang kompleks menuntut supaya penterjemah benar-benar menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran dengan baik (Ramlah, 1991:10). Seterusnya penterjemah juga menghadapi masalah dalam pepadanan kata dan mengekalkan kelancaran bahasa dalam teks terjemahan. Di samping itu, penterjemah juga sering dipengaruhi bahasa pertama (L1) sewaktu membuat terjemahan ke dalam bahasa kedua (L2) (Mauranen, 2004:66). Dalam penterjemahan teks daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu, salah satu aspek yang menonjol adalah ketaksaan (*ambiguity*).

Dalam bidang penterjemahan, aspek ketaksaan (*ambiguity*) terangkum di bawah kajian makna dan sering dibincangkan di bawah tajuk penterjemahan linguistik dan penterjemahan pragmatik. Dalam proses penterjemahan pula, ketaksaan harus dikenal pasti dan diawataksa (*disambiguate*) di peringkat 'analisis teks' sebelum peringkat 'pemindahan makna' dan 'penstrukturan semula', bagi memastikan mesej yang betul disampaikan ke dalam teks terjemahan (Sa'odah, 1990:46)

Menurut Kooij (1971:4-10), ketaksaan terdiri daripada empat jenis iaitu ketaksaan fonetik, ketaksaan struktural (ayat), ketaksaan tatabahasa dan ketaksaan leksikal (perkataan). Empson (1979:176) pula berpendapat bahawa ketaksaan banyak ditimbulkan dalam teks sastera (prosa dan puisi) disebabkan sifat dwiradikalnya kerana penulis teks berkenaan ingin menimbulkan minat dan sifat ingin tahu di kalangan pembaca serta membiarkan pembaca membuat tafsiran atau interpretasi sendiri. Bagi Ruby (1969:322), ketaksaan dapat wujud dalam bidang sastera mahupun perundangan tetapi jarang sekali dalam bidang sains yang mempunyai referen yang jelas dan tepat.

Namun ketaksaan yang menonjol dalam bahasa Inggeris tidak begitu ketara dalam bahasa Melayu walaupun tidak dinafikan bahawa ketaksaan wujud dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu, ketaksaan dikaitkan dengan homonim dan polisemi (Nik Safiah & Norliza, 2002:263-264). Oleh itu, dapatkah teks terjemahan bahasa Melayu mengungkap kembali makna yang terkandung dalam perkataan taksa bahasa Inggeris? Ini seterusnya membawa kita kepada persoalan kajian dan tujuan kajian tesis ini.

## **1.2 Persoalan Dan Tujuan Kajian**

Terdapat pandangan yang berbeza daripada ahli bahasa dan terjemahan tentang kemampuan bahasa sasaran dalam menyampaikan maklumat atau mesej yang terkandung dalam bahasa sasaran jika bahasa sasaran memiliki sistem bahasa yang berlainan.

Pertama, kita perlu melihat fungsi asas penterjemahan. Bagi melihat fungsi asas ini, kita harus juga melihat fungsi utama bahasa. Aiono (1979:19) telah mengemukakan tiga fungsi utama bahasa iaitu pertama, untuk menyampaikan maklumat. Kedua, untuk menyatakan perasaan dan ketiga, untuk menyatakan suruhan atau tegahan. Bahasa berfungsi sebagai alat komunikasi. Manusia menggunakan bahasa untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Faktor utama dalam proses komunikasi ialah adanya maklumat atau idea yang hendak disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Apabila komunikasi dikaji, haruslah disedari dari awal lagi bahawa tiap-tiap penutur dan pendengar mempunyai sifat yang berbeza antara satu sama lain. Perbezaan itu bukan setakat pada cara bagaimana mereka menggunakan perkataan untuk merujuk perkara yang dimaksudkan. Tiap-tiap orang menggunakan bahasa berdasarkan latar belakang peribadinya dan dalam hal ini tidak ada dua orang manusia yang mempunyai latar belakang yang betul-betul serupa. Oleh yang demikian, tidak ada dua orang yang

menggunakan perkataan yang sama untuk makna yang betul-betul serupa (Ainon, 1985:34).

Kebanyakan orang merujuk kepada proses komunikasi untuk menentukan makna (Kempson, 1977). Penterjemahan adalah proses yang melibatkan penyampaian makna sesuatu teks ke dalam bahasa lain (Newmark, 1988:5). Dalam proses komunikasi ini, yang dipentingkan ialah penyampaian makna daripada satu pihak kepada pihak yang lain (Larson, 1984). Penterjemahan berperanan sebagai suatu perlakuan komunikatif (Hermans, 1996). Dalam erti kata lain, seorang penterjemah yang baik haruslah berusaha untuk mengekalkan fungsi komunikasi dalam penterjemahan (Popovic, 1970: 80,82).

Oleh itu, persoalan kajian tesis ini yakni penterjemahan perkataan taksa perlulah mengambil kira fungsi komunikasi yang ada pada makna perkataan taksa tersebut. Makna sesuatu bentuk linguistik perlu dianalisis berdasarkan elemen-elemen penting yang wujud dalam sesuatu situasi komunikasi (Bloomfield, 1933). Proses komunikasi ini hanya boleh difahami jika dikaji sejajar dengan konteks masyarakatnya (Abdullah dan Ainon, 2000:22).

Pendekatan pragmatik berfokuskan cara bagaimana makna sesuatu perkataan dapat ditentukan berdasarkan ciri-ciri konteks komunikasi (Katz, 1977). Malah tidak memadai jika kita hanya mengetahui makna literal sesuatu perkataan sahaja, kita juga perlu mengenal pasti mengapa ujaran tertentu digunakan, iaitu mengenal pasti makna pragmatik dalam ayat (Grundy, 2000). Sejajar dengan pentingnya unsur pragmatik diperhatikan dalam penterjemahan, maka persoalan kajian tesis ini bolehlah diringkaskan seperti berikut:

- (1) Bagaimanakah pendekatan pragmatik dapat menyelesaikan situasi “lebih terjemah” ataupun “kurang terjemah” yang dikhuatiri akan berlaku dalam penterjemahan daripada bahasa sumber (bahasa Inggeris) kepada bahasa sasaran (bahasa Melayu) yang memiliki sistem bahasa yang berbeza?
- (2) Jenis kesepadanan apakah yang berjaya diusahakan melalui penterjemahan perkataan taksa yang menggunakan pendekatan pragmatik?

Sehubungan dengan persoalan kajian, maka tujuan kajian tesis ini ialah mengkaji pendekatan pragmatik dalam penterjemahan perkataan taksa, khususnya dengan memberi perhatian kepada konteks, sebagaimana yang digagaskan oleh Baker (1992). Kaedah yang dimaksudkan itu ialah penterjemahan tersurat dan penterjemahan tersirat (lihat perincian pendekatan Baker dalam bab 3).

### **1.3 Metodologi Penyelidikan Dan Batasan Kajian**

Pada amnya, terdapat dua jenis kaedah penyelidikan iaitu kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini berbentuk kualitatif, iaitu kajian yang berbentuk subjektif, dengan menekankan penghuraian sesuatu fenomena. Di sini, fenomena yang ingin diselidiki ialah fenomena bahasa, khasnya dalam konteks penterjemahan perkataan taksa dalam bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Di bawah bentuk kualitatif ini, kajian ini secara terperinci akan mengambil pendekatan mengkaji sikap atau pandangan pihak tertentu (*attitudinal*) terhadap fenomena bahasa yang disebut tadi. Di sinilah, pendapat pakar-pakar bahasa dan terjemahan diulas untuk mengkaji sama ada pandangan mereka terhadap fenomena bahasa yang diselidiki itu bernas dan boleh diterapkan secara praktikalnya dalam kerja terjemahan.

Bagi pengumpulan perkataan taksa, pengkaji tesis akan menggunakan pendekatan mengumpul dokumen deskriptif, iaitu data-data sekunder akan dikutip dan dijadikan sebagai alat perbandingan yang berguna. Selepas itu, data baru akan dibandingkan dengan data yang sedia ada, ataupun dapatan yang pernah diperolehi, untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan dalam cara penggunaan tertentu (Naoum, 1998).

Metodologi penyelidikan akan mengambil kira aspek teoretis dan aspek amali dalam kerja terjemahan.

### **1.3.1 Aspek Teoretis**

Aspek teoretis ini diperlukan selaras dengan tujuan penyelidikan dan dapat dikenal pasti melalui penemuan-penemuan dalam kajian sebelumnya (Jahoda et. al., 1951). Tinjauan teoretis sedemikian bersifat eklektik yang bermaksud kajian ini adalah berlandaskan teori dan penyelidikan yang pernah dikupas dan diketengahkan oleh ahli-ahli bahasa dan penterjemahan.

#### **1.3.1.1 Kerangka Teoretis Kajian**

Sejajar dengan persoalan kajian ini, teori berkenaan aspek pragmatik akan dikupas dan dibincangkan sebagai dasar kajian bagi penterjemahan perkataan taksa. Tumpuan adalah pada pendekatan pragmatik yang diutarakan oleh Baker (1992). Pengenalpastian perkataan taksa akan dilakukan berdasarkan senarai perkataan taksa yang telah dimuat turun daripada Internet, *WordNet*. Laman berkenaan adalah [http://muse.dillfrog.com/ambiguous\\_words.php](http://muse.dillfrog.com/ambiguous_words.php). *WordNet* adalah pangkalan data elektronik bagi leksikal bahasa Inggeris yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji di Princeton University, New Jersey di bawah penyeliaan Profesor George A. Miller.

Kesemua perkataan taksa yang dimuatkan dalam pangkalan data tersebut terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata adverb. Perkataan-perkataan tersebut mempunyai makna yang berbeza dan dikumpul berdasarkan sumbangan orang ramai serta hasil kajian pengkaji-pengkaji yang terlibat di bawah penyeliaan Profesor George A. Miller. Maklumat lanjut mengenai *WordNet* boleh diperolehi daripada laman web *Princeton WordNet* atau *Euro WordNet*.

### **1.3.1.2 Justifikasi Pemilihan Kerangka Teoretis**

Secara ringkasnya, pendekatan pragmatik yang disarankan oleh Baker (1992) dipilih kerana kaedah pragmatik beliau menggariskan strategi penterjemahan yang jelas. Tambahan pula, beliau telah mengemukakan contoh-contoh bagi menjelaskan strateginya. Pengkaji tesis berminat untuk mengaplikasikan strategi Baker pada penterjemahan perkataan taksa khususnya. Walaupun Baker (1992) tidak menekankan penterjemahan perkataan taksa dalam pendekatan yang dikemukakan namun pendekatan ini dirasakan sesuai bagi menterjemah perkataan taksa yang lebih bergantung pada konteks, jalinan leksikal dan koherensi. Seterusnya, pengenalpastian perkataan taksa dilakukan berdasarkan senarai perkataan taksa yang telah dimuat turun daripada internet kerana perkataan-perkataan taksa yang dimuatkan dalam laman web tersebut dikutip daripada pelbagai sumber, ia mudah digunakan untuk mengenal pasti perkataan taksa dalam novel yang dipilih, menjimatkan masa dan lebih sistematik.

### **1.3.2 Aspek Amali**

Analisis terhadap penterjemahan perkataan taksa akan dijalankan berpandukan strategi penterjemahan pragmatik yang dikemukakan oleh Baker (ibid, perincian dalam bab 3). Aspek amali ini dapat digolongkan kepada:

### 1.3.2.1 Pemilihan Data

Bagi kajian tesis ini, data kajian terdiri daripada dua jenis iaitu

- (1) Data A : 18 bab daripada novel *Harry Potter and the Chamber of Secrets*
- (2) Data B : 18 bab daripada novel *Harry Potter dan Bilik Rahsia* (hasil terjemahan)

Kutipan terpilih daripada data A akan diterjemahkan oleh pengkaji sendiri berdasarkan pendekatan pragmatik Baker (1992), manakala data B terdiri daripada terjemahan penerbit. Hasil penterjemahan perkataan taksa dalam data A dan data B akan dikaji dan dibandingkan.

Berikut adalah bab-bab yang terkandung dalam Data A dan B.

#### **Data A :**

Bab 1 – The Worst Birthday

Bab 2 – Dobby's Warning

Bab 3 – The Burrow

Bab 4 – At Flourish and Blotts

Bab 5 – The Whomping Willow

Bab 6 – Gilderoy Lockhart

Bab 7 – Mudbloods and Murmurs

Bab 8 – The Deathday Party

Bab 9 – The Writing on the Wall

Bab 10 – The Rogue Bludger

Bab 11 – The Duelling Club

Bab 12 – The Polyjuice Potion

Bab 13 – The Very Secret Diary

Bab 14 – Cornelius Fudge

Bab 15 – Aragog

Bab 16 – The Chamber of Secrets

Bab 17 – The Heir of Slytherin

Bab 18 – Dobby's Reward

**Data B :**

Bab 1 – Ulang Tahun yang Paling Membosankan

Bab 2 – Amaran Dobby

Bab 3 – Percutian di Burrow

Bab 4 – Di Flourish dan Blotts

Bab 5 – Dedalu Perkasa

Bab 6 – Gilderoy Lockhart

Bab 7 – Darah Lumpur dan Bisikan

Bab 8 – Parti Ulang Tahun Kematian

Bab 9 – Tulisan pada Tembok

Bab 10 – Bludger Meta

Bab 11 – Kelab Perang Tanding

Bab 12 – Posyen Polijus

Bab 13 – Diari yang Sangat Rahsia

Bab 14 – Cornelius Fudge

Bab 15 – Aragog

Bab 16 – Bilik Rahsia

Bab 17 – Pewaris Slytherin

Bab 18 – Dobby Mendapat Ganjaran

### 1.3.2.2 Justifikasi Pemilihan Data

Pada keseluruhannya, data A dipilih berasaskan kepopularannya. Novel "*Harry Potter and the Chamber of Secrets*" sarat dengan pemerian fiksyen sains yang berbentuk hiburan yang disampaikan dalam bentuk menarik. Oleh itu, pembaca bukan sahaja mendapat hiburan tetapi juga dapat merasai satu ketenangan jiwa. Di samping itu, novel sains fiksyen ini boleh menjurus kepada ketaksaan kerana penggunaan bahasa mengikut stail penulis yang ingin menarik minat pembaca.

Bagi teks sastera seperti novel, penterjemah mungkin berhadapan dengan struktur teks bersifat retorik (pemakaian kata-kata yang indah) dan perkataan-perkataan taksa yang terdapat dalam novel bukan mudah untuk diterjemahkan disebabkan maknanya yang banyak (Chatman, 1969:375). Oleh itu, setiap perkataan taksa dan ayat taksa yang hendak diterjemah perlu diteliti dari segi konteks kehadirannya (Fowler, 1977:10) Di samping itu, sesuatu perkataan dalam novel bukan hanya menyatakan maksud secara tersurat sebaliknya mungkin mengandungi maksud tersirat yang juga boleh menimbulkan ketaksaan akibat tafsiran yang berbeza. Sekiranya penterjemah hanya menumpukan perhatian pada keseluruhan teks tanpa meneliti setiap perkataan taksa, maka terjemahan yang kurang bermutu mungkin terhasil. Di samping itu, terdapat juga novel yang mempunyai perkataan-perkataan yang tidak begitu luas penggunaannya sekarang. Hal ini menyebabkan perkataan-perkataan itu membawa maksud yang berbeza jika dilihat pada konteks kini dan turut menyumbang kepada ketaksaan (Bassnett, 1991:115)

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam novel yang bertujuan menarik perhatian pembaca mungkin taksa tanpa pengetahuan penulis. Penulis tidak boleh dipersalahkan kerana hal ini berlaku secara tidak sengaja. Penulis juga mungkin berniat

untuk mempelbagaikan stail penulisan berdasarkan kreativitiya dan memperkaya penggunaan perbendaharaan kata. Ketaksaan ini hadir bukan kerana hasil ketidakcekapan penggunaan linguistik oleh penulis tetapi hasil penggunaan stail penulisan dan kreativitiya. Namun, ketaksaan dalam novel juga boleh disengajakan untuk menyampaikan sesuatu secara tersirat, menyampaikan sesuatu perkara yang lucu dengan lebih efektif dan kadang kala untuk menjaga imej penulis (Ruby, 1969:322-323).

Penterjemah perlu meneliti bentuk yang lebih kecil seperti perkataan dalam sesebuah teks semasa menterjemah. Sepatutnya penterjemah memberi perhatian kepada setiap perkataan dalam teks kerana selain berhadapan dengan masalah tidak mengetahui makna sesuatu perkataan, penterjemah juga mungkin bertembung dengan perkataan-perkataan yang mempunyai lebih daripada satu makna dalam suatu konteks (Baker, 1992:10-11). Begitu juga dengan Bell yang menyatakan bahawa penterjemah kurang meneliti perkataan semasa menterjemah kerana kemungkinan bertembung dengan perkataan-perkataan yang tidak diketahui maknanya (Bell, 1991:87).

Ketaksaan yang boleh hadir dalam teks naratif seperti novel tambah-tambah lagi teks naratif kreatif telah mendorong pengkaji untuk memilih novel sebagai korpus. Novel tergolong dalam teks naratif kreatif, mudah untuk dianalisis tidak seperti puisi. Jika pengkaji memilih teks berbentuk informatif dalam bentuk penerangan atau deskriptif yakni dalam bentuk tulen daripada teks atau buku ilmiah tertentu, maka kajian penterjemahan perkataan taksa mungkin sukar untuk dilakukan kerana teks tersebut mungkin kurang mempunyai perkataan taksa disebabkan referennya yang tepat dan konteksnya yang jelas. Namun, tidak dinafikan bahawa ketaksaan juga boleh timbul akibat penulisan yang buruk atau disengajakan oleh penulis.

Di samping itu, sarjana bidang linguistik, Empson (1979) telah mengkaji perkataan taksa dalam puisi dan sastera klasik, Shakespeare. Beliau telah menulis sebuah buku bertajuk '*Seven Types of Ambiguity*' berdasarkan kajiannya. Oleh itu, kajian ini bertumpu pada teks naratif pula untuk mengkaji perkataan taksa yakni novel.

Di samping itu, terdapat juga maklumat menarik mengenai novel-novel yang ditulis oleh J.K. Rowling. Novel-novel bersirikan Harry Potter yang telah ditulis oleh J.K. Rowling telah diterjemahkan ke dalam lebih daripada empat puluh bahasa dan hampir berjuta-juta naskah novel tersebut di jual merata tempat di dunia. Siri novel yang pertama iaitu *Harry Potter and the Philosopher's Stone* (Bloomsbury 1997) telah ditukar sebagai *Harry Potter and the Sorcerer's Stone* (Scholastic 1998) di Amerika. Malah beberapa leksikal juga turut ditukar seperti *British biscuits, football, Mummy, rounders* dan *the sweet sherbet lemons* menjadi *American cookies, soccer, Mommy, baseball* dan *lemon drops*. Edisi Amerika juga telah melakukan beberapa perubahan pada tatabahasa dan sintaksis seperti menggantikan *got* dengan *gotten*, *dived* dengan *dove* dan *at weekends* dengan *on weekends* serta mempermudah struktur ayat (Munday & Hatim, 2005 : 4-5). Kepopularan novel ini telah menyebabkan adaptasi dilakukan dalam lain-lain bahasa untuk santapan pembaca. Kepopularannya juga telah menyebabkan ia dipilih.

Kutipan yang dipilih dalam data A akan diterjemahkan oleh pengkaji tesis sendiri mengikut strategi penterjemahan pragmatik yang diutarakan oleh Baker (lihat bab 3 untuk perincian metodologi kajian). Kutipan dalam data A diterjemahkan sendiri oleh pengkaji tesis kerana pengkaji ingin meninjau proses penterjemahan yang akan dilalui oleh seseorang penterjemah pragmatik, misalnya langkah praktikal yang diambil dalam mencari kesepadanan yang paling tepat, jenis kesepadanan yang dicapai,

permasalahan yang dihadapi dan sama ada strategi pendekatan pragmatik Baker ini dapat menyelesaikan masalah mencari kesepadanan dalam penterjemahan.

Data B dipilih kerana ia merupakan hasil terjemahan data A, dengan itu ia berguna sebagai alat perbandingan bagi penterjemahan perkataan taksa yang diterjemahkan oleh pengkaji tesis sendiri dalam data A. Tujuannya adalah untuk (1) mengukur penterjemahan perkataan taksa yang dilakukan pengkaji sendiri dari sudut kelancaran dan kelaziman, serta (2) mengukur penterjemahan perkataan taksa yang dilakukan oleh penterjemah lain dari sudut strategi penterjemahan pragmatik yang dicadangkan oleh Baker.

Ringkasnya, analisis data A bermula daripada pengaplikasian pendekatan pragmatik kepada tinjauan hasil terjemahan, manakala analisis data B adalah urutan songsang, iaitu bermula daripada tinjauan hasil terjemahan kepada pendekatan penterjemahan. Objektif keseluruhan dalam perbandingan kedua-dua data kajian ini ialah peninjauan kejituan dan kelancaran dalam penterjemahan perkataan taksa.

### **1.3.2.3 Analisis Data**

Analisis data A dan B akan terbahagi kepada tiga peringkat. Pertama, analisis data. Di peringkat ini, data A akan dianalisis dari sudut isi kandungan dan penggunaan perkataan taksa. Di samping itu, pengkaji akan mengenal pasti perkataan taksa berdasarkan senarai perkataan taksa yang telah dimuat turun daripada internet, *WordNet*.

Seterusnya ialah peringkat analisis terhadap penterjemahan kutipan-kutipan yang dipilih, khususnya penterjemahan perkataan taksa. Bagi kedua-dua data A dan B,

tinjauan analisis dilakukan mengikut pendekatan pragmatik Baker. Pengkaji tesis akan meneliti dalam keadaan mana kaedah tersirat atau kaedah tersurat (kaedah yang ditonjolkan oleh Baker) digunakan dalam penterjemahan perkataan taksa untuk mengkomunikasikan fungsi makna perkataan taksa tersebut. Akhir sekali, kedua-dua hasil analisis penterjemahan kutipan-kutipan dalam data A dan B akan dibandingkan sebelum suatu kata putus dicapai tentang penterjemahan perkataan taksa mengikut pendekatan pragmatik.

#### **1.4 Sumbangan Kajian Tesis**

Kajian tesis berkenaan penterjemahan perkataan taksa sebenarnya merupakan suatu usaha untuk melanjutkan penyelidikan yang pernah dibuat oleh ahli bahasa dan terjemahan sebelumnya (rujuk bab 2).

Ainon (1985:115) pernah membuat tinjauan tentang penterjemahan aspek pragmatik dalam unsur tatabahasa dengan mengkhususkan pada penterjemahan ayat, sendi nama dan adverba. Akan tetapi penerapan pendekatan sedemikian dalam penterjemahan perkataan taksa tidak disentuh. Larson (1984:107-108) dan Newmark (1988:219) ada membincangkan cara menterjemah perkataan taksa tetapi secara umumnya sahaja tanpa berfokuskan pada satu kaedah tertentu. Jadi, kajian tesis ini boleh dianggap sebagai suatu usaha untuk memperinckan kajian dalam penterjemahan perkataan taksa secara pragmatik. Dari segi metodologi pula, kajian ini juga bertujuan menerapkan pendekatan pragmatik yang digagaskan oleh Baker (1992) untuk melihat sama ada pendekatannya itu komprehensif atau tidak dalam usaha menterjemahkan perkataan taksa. Akhir kata, kajian ini ingin menyahut seruan Yule (1996) yang meminta agar lebih banyak penyelidikan dijalankan ke atas komunikasi merentasi budaya dari sudut pragmatik. Dalam konteks tesis ini, pengkaji berminat untuk menyelidiki

komunikasi antara budaya bahasa Inggeris dan budaya bahasa Melayu yang diperlihatkan melalui penterjemahan perkataan taksa.

### **1.5 Organisasi Kajian**

Kajian ini akan dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama akan memberi pengenalan kepada penyediaan tesis ini. Bab kedua ialah tinjauan terhadap kajian yang pernah dilakukan, iaitu sorotan literatur bagi kajian tesis dan kepada penyediaan tesis ini. Berdasarkan tinjauan ini, pengkaji tesis akan mendapat arah tujuan yang lebih jelas bagi memastikan kajian yang dilakukan dalam tesis ini, iaitu penyelidikan terhadap penterjemahan perkataan taksa, bukan suatu kajian ulangan, sebaliknya merupakan sumbangan atau nafas baru kepada dunia penyelidikan penterjemahan. Bab ketiga berfokuskan pembentangan kerangka teori yang akan menjadi bingkai kepada analisis tesis ini. Dalam bab ini juga, pengkaji akan membincangkan pendekatan pragmatik dan kaitan pendekatan ini dalam penterjemahan perkataan taksa. Seterusnya bab empat akan menjadi bab analisis data. Akhirnya bab kelima ialah bab penutup yang fungsinya membuat rumusan dan kesimpulan tentang penterjemahan perkataan taksa dari sudut pragmatik.

## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab ini secara amnya akan membincangkan beberapa kerja penyelidikan yang pernah dilakukan oleh ahli-ahli bahasa dan penterjemahan serta bagaimana kerja-kerja penyelidikan ini dapat menentukan hala tuju kajian tesis ini, sesuai dengan keperluan penyelidikan bahasa dan terjemahan di negara kita. Tinjauan ke atas kerja-kerja penyelidikan sebelumnya akan dimulakan dengan beberapa kerja penyelidikan di Malaysia dan disusuli dengan kerja-kerja penyelidikan di negara Barat.

#### **2.1 Kerja-Kerja Penyelidikan Di Malaysia**

Kajian ke atas penterjemahan perkataan taksa daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dirasakan perlu kerana kekurangan kajian berbentuk demikian sebelum ini di Malaysia. Tambahan pula, setakat ini, tidak ada banyak buku berkenaan bidang penterjemahan yang dihasilkan oleh pakar-pakar penterjemahan di negara ini. Jika adapun, skop kajian dan pemerian yang diberikan dalam buku tersebut bersifat umum dan luas. Misalnya dalam buku yang berjudul *Panduan Menterjemah* (Ainon, 1985), penulis cuma memberi huraian lanjut mengenai ketaksaan yang boleh wujud daripada pelbagai aspek seperti dalam penggunaan ungkapan yang dipengaruhi unsur budaya tertentu atau bahasa figuratif dan masalahnya. Penterjemahan perkataan taksa terutamanya cara menterjemahnya tidak dibincangkan.

Heah Lee Hsia (1989) pula membincangkan pengaruh bahasa Inggeris ke atas perluasan leksikal bahasa Melayu (bab 5 dan 6) dan beliau memfokus pada pepadanan perkataan bahasa Inggeris dengan perkataan bahasa Melayu dari sudut leksikal.

Tengku Sepora Tengku Mahadi dan Mohamed Abdou Moindjie (2006) dalam buku mereka berjudul *Text-Wise in Translation* pula telah membincangkan aspek penterjemahan dari pelbagai sudut seperti teori terjemahan, pengaruh budaya dalam terjemahan, prosedur dan kaedah terjemahan, malah fokus utama diberikan pada analisis teks.

Sementara itu, bagi pengajian sarjana dalam bidang penterjemahan, terdapat dua kajian berbentuk tesis yang pernah dilakukan berhubung dengan penterjemahan perkataan yakni dari aspek kelas kata.

1. "Kepadanan Kata Nama dan Kata Tugas dalam Penterjemahan : Satu Kajian Kes Teks *The Good Earth* (P.S.Buck) dan *The Old Man and the Sea* (E. Hemingway)"  
Low Bee Eng (1986).
2. "Kepadanan Kata Kerja Dalam Penterjemahan : Satu Kajian Kes Teks *The Great Gatsby* dan *Semantic Theory*. Pillay, Indrani A. S. (2002).

Dalam kedua-dua tesis tersebut, tumpuan pengkaji adalah pada penterjemahan di peringkat leksikal yang melibatkan padanan kata nama, kata tugas dan kata kerja. Kajian tesis yang lain pula, seperti *Translation Issues in Comparative Literature : A Study of Translation of Culture-Specific Expressions in Salina* (Lalitha Sinha, 1986) pula menyentuh aspek kebudayaan dalam kerja penterjemahan.

Begitu juga dengan tesis *Struktur Ayat Bahasa Inggeris Dan Struktur Ayat Bahasa Malaysia : Satu Kajian Perbandingan dan Implikasinya dalam Penterjemahan* (Lim, Evelyn Lay Lin, 1997) yang membincangkan struktur ayat atau sintaksis secara

keseluruhannya. Manakala tesis *Penterjemahan Sistem Kala daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu: Suatu Tinjauan Pendekatan Pragmatik* (Chew Wei Wei, 2004) pula berfokus pada penterjemahan sistem kala berdasarkan pendekatan pragmatik.

Pada tahun 1991, sebagai membukukan hasil sumbangan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-3 di Kuala Lumpur, buku yang berjudul *Pragmatik Penterjemahan : Prinsip, Amalan dan Penilaian Menuju ke Abad 21* telah diterbitkan. Tokoh-tokoh bahasa dan terjemahan tempatan turut memberi sumbangan masing-masing. Amat Juhari Moain Al-Haj mengetengahkan beberapa masalah sosiolinguistik dalam penterjemahan; Kassim Ahmad pula memperkatakan beberapa masalah terjemahan di Malaysia. Mahsudi Kader dan Low Bee Eng (1991) pula menyentuh masalah padanan pada peringkat perkataan dalam kertas kerja mereka yang bertajuk *Padanan Kata Depan dan Kata Sandang: Kes daripada "The Good Earth (Buck, P.S.) dan "The Old Man and the Sea" (Hemingway, E)*. Kajian tersebut bertumpu pada kelancaran kata padanan untuk kata depan *at, by, for, from* dan *in* serta kata sandang *the* dan *a / an*. Kajian tersebut dijalankan berdasarkan beberapa anggapan dan konsep seperti:

1. Mencari padanan yang melibatkan pemindahan konsep daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Setelah konsep itu berpindah, label linguistik yang sesuai bagi konsep itu dalam bahasa sasaran perlu dicari.
2. Label linguistik yang dipilih sebagai padanan dalam bahasa sasaran secara unggul dapat merujuk fungsi, makna dan peranan yang "sama" dalam bahasa sumber.
3. Padanan yang hampir sama bermaksud padanan yang mencakupi konsep yang

hampir sama dari segi fungsi, makna dan peranan, sama ada jenis terjemahan melampau (*over-translation*) ataupun terjemahan kurang (*under-translation*).

Penulis-penulis kertas kerja ini mengaku bahawa penggunaan kata depan dan kata sandang mendukung makna fungsinya tersendiri dalam tatabahasa. Ertinya di sini, dalam penterjemahan, kata depan dan kata sandang tidak mungkin diberi satu padanan sahaja. Bagi menentukan maknanya, konteks tempat hadirnya perkataan tersebut perlu diutamakan. Perkara yang sepatutnya ditekankan dalam penterjemahan ialah penghasilan semula medan makna yang relevan bagi sesuatu konteks. Kertas kerja ini telah menggariskan hubungan antara makna dan konteks tempat hadirnya kata depan dan kata sandang yang merupakan aspek tatabahasa.

Seterusnya Abdullah Hassan dan Ainon Muhammad (2000:122-128) dalam buku mereka, *Teori dan Teknik Terjemahan* telah membahagikan kajian makna dalam penterjemahan kepada tiga bahagian utama, iaitu:

1. Kajian Semantik – Bidang ini mengkaji hubungan antara lambang (perkataan) dengan rujukan (makna). Misalnya, istilah “panjang” sebenarnya mewakili pelbagai ukuran yang semuanya boleh disebut “panjang.”
2. Kajian Sintaksis – Bidang ini mengkaji hubungan yang terdapat antara satu lambang dengan lambang lain. Makna sesuatu ayat bukan hanya diperoleh dengan mencampurkan makna satu perkataan dengan perkataan yang lain dalam ayat itu. Makna ayat juga bergantung kepada susunan perkataan dalam ayat. Misalnya, “lima buku” dan “buku lima” mempunyai makna yang berbeza.

3. Kajian Pragmatik – Bidang ini pula mengkaji hubungan antara lambang dengan tingkah laku. Kajian ini dikatakan semakin mendapat perhatian daripada pengkaji makna. Ini disebabkan dalam proses komunikasi, makna sesuatu perkataan itu dinilai dari sudut adakah makna itu sampai kepada penerimanya ataupun tidak. Ciri-ciri situasi dan tingkah laku yang mengiringi bahasa adalah sebahagian daripada makna perkataan itu. Takrif seperti ini adalah takrif fungsional. Ia adalah pendekatan yang paling berkesan untuk mengkaji makna kerana ia mengambil kira proses bagaimana sesuatu perkataan itu mendapat maknanya. Perkataan mendapat maknanya melalui keperihalan keadaan atau konteks situasi yang wujud. Oleh sebab itu, perkataan yang serupa mungkin mempunyai bidang makna yang tidak sama dalam bahasa lain ataupun dalam konteks berbeza-beza. Dalam penterjemahan, perkataan dalam bahasa Melayu untuk diterjemah secara betul menjadi perkataan bahasa Inggeris sangat bergantung kepada konteksnya. Maknanya, yang diberikan dalam terjemahan itu bukan setakat menggantikan sesuatu perkataan dalam bahasa sumber sahaja.

Dengan melihat sumber-sumber ini didapati bahawa perhatian yang diberi kepada penterjemahan perkataan taksa adalah sangat kurang. Pada masa yang sama, perbincangan yang telah dikemukakan lebih berfokus pada kelas kata atau nahu dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Akibat terdapatnya kekurangan dalam perkembangan penterjemahan perkataan taksa, maka tesis ini ingin mengkaji penterjemahan salah satu aspek makna iaitu penterjemahan perkataan taksa daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.

## **2.2 Kerja-Kerja Penyelidikan Di Barat**

Kerja penterjemahan di barat telah melalui suatu zaman perkembangan yang lama. Selama perkembangan ini, tumpuan penterjemahan sentiasa pada penentuan

makna dalam teks sumber dan penyampaian makna tersebut dalam teks sasaran. Misalnya, sejak hujung abad ke-4 lagi, seorang penterjemah *New Testament* bernama Jerome telah menekankan perlunya penterjemah mencari padanan dari segi makna, atau *sense for sense* (Nida, 1964). Persoalan yang perlu difokus sekarang ialah bagaimana kita dapat mencari kesepadanan dari segi makna dalam penterjemahan?

Bagi menjawab persoalan ini, kita perlu melihat perkembangan yang berlaku bukan sahaja dalam dunia penterjemahan, tetapi juga dalam dunia linguistik. Menurut Catford (1964:1), penterjemahan merupakan operasi yang dilaksanakan pada bahasa iaitu suatu proses menggantikan sebuah teks dalam bahasa tertentu dengan sebuah teks lain dalam bahasa lain. Maka, jelas bahawa sebarang teori penterjemahan yang dikemukakan seharusnya berpandukan teori bahasa, iaitu teori linguistik yang umum. Pandangan ini juga disokong oleh Newmark (1988). Kata beliau, semua penterjemahan adalah berdasarkan teori bahasa, malah penterjemahan dianggapnya sebagai linguistik terapan. Maka perkembangan yang wujud dalam dunia penterjemahan seharusnya berkait rapat dengan perkembangan dalam dunia linguistik.

### **2.2.1 Perkembangan Dalam Dunia Linguistik**

Dalam pengkajian bahasa, terdapat minat mendalam terhadap sistem analisis yang formal, yang biasanya bersandarkan matematik dan logik. Penekanan yang diberi adalah pada penemuan prinsip-prinsip abstrak yang terbenam jauh dalam sesuatu bahasa. Analisis sedemikian boleh kita gelar sebagai analisis sintaksis, iaitu kajian terhadap hubungan yang wujud antara bentuk-bentuk linguistik dengan meneliti susunan bentuk-bentuk tersebut dan meninjau sama ada susunannya betul atau sebaliknya. Kajian sedemikian biasanya tidak mengambil kira rujukan bentuk itu kepada mana-mana entiti di dunia dan juga tidak mempedulikan pengguna bentuk linguistik tersebut.

Selepas itu, timbul pula analisis semantik yang bertujuan mengkaji hubungan yang wujud antara bentuk linguistik dengan entiti dunia. Analisis ini berminat untuk melihat pertalian literal yang wujud antara perkataan dengan objek tertentu. Sekali lagi, analisis ini juga tidak merangkumi fungsi pengguna bahasa itu (Yule, 1996:4-5).

Akan tetapi, pada penghujung tahun 1960-an dan awal 1970-an berlaku peralihan paradigma dalam bidang linguistik (Kuhn, 1964). Teori dan hipotesis bahasa aliran sintaksis yang didukung kuat oleh Chomsky dan pengikut-pengikut alirannya itu mulai pudar (Mey, 1993:19). Ia disebabkan terdapatnya perkembangan pengetahuan terhadap sintaksis, fonologi dan semantik bagi pelbagai bahasa, semakin jelas bahawa terdapat suatu fenomena yang khusus, yang hanya dapat dihuraikan dengan merujuk kepada konsep-konsep konteks. Malah lama-kelamaan timbul minat baru terhadap konsep-konsep konteks yang menitikberatkan peranan pengguna bahasa. Bahasa tidak lagi dilihat sebagai suatu sistem semata-mata tetapi sebagai suatu yang abstrak.

Menurut Levinson (1983), hukum-hukum sintaksis hanya boleh diletakkan di landasan yang sewajarnya dan terikat oleh syarat-syarat pragmatik. Ertinya, tanpa syarat-syarat pragmatik sedemikian, hukum-hukum tersebut mungkin akan menghasilkan ayat-ayat yang betul dari segi nahu tetapi mengandungi makna yang tidak boleh diterima.

Dari sudut analisis sintaksis, ayat *The duck ran up to Mary and licked her*, memang betul. Akan tetapi dari segi pragmatik, ayat ini tidak bermakna kepada pendengarnya (Yule, 1996:6-7).